

27 OCT 1998

Sabbaruddin-Cuti

KEMENTERIAN CADANG CUTI PADA SABTU PERTAMA SETIAP BULAN

KUALA BERANG, 27 Okt (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mencadangkannya hari Sabtu pertama pada setiap bulan ditetapkan sebagai cuti untuk kakitangan awam bagi menggalakkan pelancongan dalam negeri, kata menteri berkenaan Datuk Seri Sabbaruddin Chik.

Mengulas pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Belanjawan 1999 minggu lepas bahawa kerajaan bersetuju menjadikan satu Sabtu setiap bulan sebagai hari cuti untuk kakitangan awam, beliau berkata kerajaan masih belum menetapkan Sabtu yang mana sebagai cuti itu.

"Daripada segi pelancongan, kita fikir yang paling baik ialah hari Sabtu pertama setiap bulan. Saya yakin kerajaan akan teliti Sabtu mana yang hendak diberi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus pengendalian bot pelancong di Tasik Kenyir di sini, hari ini.

Beliau berkata kementerian berpendapat Sabtu pertama setiap bulan adalah sesuai kerana setiap orang mempunyai wang belanja pada awal bulan dan ketika itu mereka juga membuat belanjawan keluarga.

Sabbaruddin berkata mengikut Belanjawan 1999, kementerian diberi peruntukan RM70 juta bagi menjalankan promosi pelancongan.

Menurutnya selain pasaran tradisional di Amerika Syarikat dan Eropah, kementerian akan memberi penekanan promosi di China dan India.

Kerajaan juga melonggarkan syarat-syarat kedatangan untuk rakyat India dan China bagi menggalakkan kunjungan yang lebih ramai ke negara ini, katanya.

Selain itu, beliau berkata kementerian akan menerokai pasaran baru pelancongan termasuk Asia Barat.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan kursus itu, Sabbaruddin berkata para pengusaha bot pelancong perlu memberi penekanan mengenai penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang mengutamakan ciri-ciri keselamatan dan keselamatan.

"Aspek keselamatan merupakan perkara paling asas kerana ia melibatkan nyawa orang awam atau pelancong," katanya.

Kursus tiga hari itu disertai kira-kira 50 pengendali bot di Tasik Kenyir.

-- BERNAMA

SBJ NAK